

UMS sedia bantu nelayan Pulau Sebatik

TAWAU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) sedia membantu Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat nelayan di Pulau Sebatik yang terletak berhampiran sempadan negara dengan Kalimantan Timur, di Indonesia.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sebatik, Datuk Dr Patawari Patawe berkata, berdasarkan perbincangannya dengan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, pada Sabtu lepas, universiti itu bersetuju pada dasarnya untuk menjalankan satu kajian berhubung pembangunan masyarakat nelayan di pulau itu.

Pada masa ini, dianggarkan lebih 1,000 nelayan yang bergiat aktif di Pulau Sebatik dan kebanyakannya memperolehi pendapatan yang rendah dan tidak mampu menyara hidup, katanya.

"Jadi kita berharap dengan adanya usaha yang bakal dilaksanakan oleh UMS itu, ianya akan dapat membuka peluang yang lebih baik kepada nelayan di Sebatik bagi memperbaiki taraf hidup dan

ekonomi," katanya di sini, pada Isnin.

Dr Patawari berkata, nelayan di pulau itu gemar menggunakan kaedah penangkapan "cuba nasib" selain mengenal pasti lubang ikan yang hasilnya tidak menentu.

Menurut beliau, melalui program yang akan dilaksanakan itu, nelayan di Pulau Sebatik bakal diajar menangkap ikan menggunakan teknologi atau teknik terkini yang mampu menghasilkan perolehan yang lebih baik.

"Bagi penduduk Sebatik, kami mengucapkan terima kasih kepada UMS atas kesediaan mereka menerima cadangan kami itu. Kita harap projek perintis ini dapat dilaksanakan pada September depan.

"Dalam tempoh tiga tahun akan datang ini, saya akan cuba membawa sebanyak pembangunan dan perubahan di pulau Sebatik demi kebaikan penduduk di situ dan ini termasuk pembangunan masyarakat nelayan," katanya.

Pulau Sebatik yang bersempadan dengan Kecamatan Sebatik, Kalimantan

Timur didiami oleh kira-kira 14,000 penduduk, kebanyakannya bekerja sebagai petani dan nelayan.

Sementara itu, Prof Dr Mohd Noh berkata, UMS mengambil keputusan mengadakan usaha itu selepas mendapati pulau Sebatik mempunyai potensi besar dalam bidang marin selain kedudukannya berhampiran sempadan Kalimantan Timur.

Program itu akan dilaksanakan sebagai sahaja Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS menerima laporan lengkap mengenai cadangan itu, katanya

"Kita menyokong penuh ilham Dr Patawari untuk meningkatkan taraf hidup nelayan dan ini adalah satu cadangan yang sangat baik dan kita harap ia dapat dilaksanakan selewat-lewatnya September depan," katanya.

Prof Dr Mohd Noh berkata, pihaknya juga berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan Universiti Borneo Tarakan serta Universiti Hasanuddin, Indonesia bagi menjalankan program pembangunan di sempadan kedua-dua negara termasuk Pulau Sebatik.